

Headline	Si kembar Twinnies		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	173,387
Page No	27	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	647 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,788
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,363



Si kembar Twinnies

Timba pengalaman menyanyi di hotel seawal umur 14 tahun

Oleh IFQDAR RAHMAN

ifqdar.rahman@utusan.com.my

LANGKAH seni duo kembar yang menggelarkan diri sebagai Twinnies ini bermula seawal umur 14 tahun. Pada peringkat usia tersebut, mereka telah mengadakan ratusan persembahan di beberapa hotel terkemuka di utara Semenanjung.

Dilahirkan dalam sebuah keluarga yang berasal dari Kangar, Perlis, darah seni pasangan yang bernama **Nur Atikah** dan **Nur Atirah**, 22, itu mengalir dari tubuh bapanya, Norddin Man, 58, yang merupakan seorang ahli muzik dan penyanyi hotel.

Acap kali menonton serta mengikuti persembahan yang dijayakan oleh bapa mereka, ia secara tidak langsung telah menyuntik semangat dan minat ke dalam diri kembar berkenaan untuk meneruskan karier seni yang diperjuangkan Norddin.

Atas dorongan dan restu ibu bapa, nampaknya tuah menyebelahi Twinnies apabila berjaya mengikat kontrak dengan beberapa pengurusan hotel yang berminat untuk mengambil mereka membuat persembahan bagi menghiburkan tetamu hotel.

Justeru, bakat yang dilentur dan diasah sejak kecil dijadikan bekalan oleh Twinnies untuk menongkah kepelbagaian gaya muzik serta bersaing dengan penyanyi arus perdana sedia ada.

Peminat beri nama

Memulakan bicara, Twinnies memberitahu bahawa mereka pada asalnya dikenali menerusi nama masing-masing dan setelah beberapa klip video persembahan dimuat naik ke laman YouTube, peminat mula menggelarkan mereka dengan nama Twinnies.

“Disebabkan itu, kami memutuskan untuk tampil sebagai Twinnies. Lagipun nama itu agak menarik didengar selain ia membawa maksud kembar. Walaupun kini kami berdua sibuk dengan pengajian masing-masing, tetapi kami cuba membahagikan masa sebaik-baiknya untuk mengejar cita-cita sebagai

penyanyi.

“Ditambah pula, kami mengikuti pengajian dalam bidang muzik dan ia membantu satu sama lain untuk lebih maju dalam cabang seni ini. Setiap persaingan itu adalah cabaran untuk kami meningkatkan mutu muzik yang diketengahkan.

“Lagipun muzik yang dibawakan oleh Twinnies juga mengikuti peredaran semasa, tetapi dengan sentuhan yang berbeza dengan memperkenalkan irama pop jaz,” ujar mereka.

Meskipun masih asing kepada peminat muzik tanah air tetapi mereka lebih dikenali di YouTube kerana pada tahun 2008 mereka sudah memuat naik video persembahan sewaktu menjadi penyanyi di hotel.

Pada tahun ini, Twinnies memilih

lagu berjudul *You Marah I Love U* yang dihasilkan sendiri sebagai *single* pertama setelah bernaung di bawah label Suria Records (SRC).

“Trend yang berubah-ubah termasuk citarasa muzik yang berbeza menyebabkan kami tidak hanya tertumpu kepada satu genre sahaja. Lagu *You Marah I Love U* ialah *single* pertama kami yang sudah pun diputarkan di corong-corong radio. Alhamdulillah setakat hari ini kami mendapat respons yang positif,” jelas mereka.

Di samping itu, pengalaman berduet bersama Pengarah Muzik RTM terkenal, Datuk Mokhzani Ismail yang turut meminati genre jaz telah memberi platform kepada Twinnies untuk melakar portfolio tersendiri.

“Kami pernah diundang oleh Pengarah Muzik RTM, Datuk Mokhzani Ismail, untuk membuat persembahan majlis korporat sewaktu kami di Kangar, Perlis. Persembahan tersebut merupakan pengalaman yang begitu berharga buat diri kami dan secara tidak langsung, ia merupakan peluang untuk kami mengukuhkan nama Twinnies.

“Selain itu, sepanjang tempoh pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Shah Alam, kami sentiasa

menerima undangan untuk membuat persembahan. Meskipun pendapatan yang diterima tidak seberapa tetapi kami menerima sebagai sebuah pengalaman dan proses pembelajaran,” tambah Twinnies.

Biarpun mengakui kehadiran mereka sebagai pasangan adik-beradik kembar tidak ramai di Malaysia tetapi mereka berusaha sehabis baik dan mahu bekerja lebih keras agar dapat memikat peminat muzik tanah air.

Dalam perkembangan terkini, Twinnies bakal melancarkan *single* kedua yang berjudul *Dalam Hati* dan *Pelik Aku* yang juga merupakan nukilan mereka.

6 Kami memutuskan untuk tampil sebagai Twinnies. Lagipun nama itu agak menarik didengar selain ia membawa maksud kembar. Walaupun kini kami berdua sibuk dengan pengajian masing-masing, tetapi kami cuba membahagikan masa sebaik-baiknya untuk mengejar cita-cita sebagai penyanyi

Headline	Si kembar Twinnies		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	173,387
Page No	27	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	647 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,788
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,363



**KEMBAR seiras
Nur Atikah (kiri)
dan Nur Atrah.**